

# Bertindak bijak ketika banjir dengan

# FLASH

**F**OLLOW PUB FLOOD ALERTS | **L**EARN HOW TO BE FLOOD READY | **A**VOID FLOODED AREAS | **S**HARE PUB FLOOD UPDATES | **H**ARE OTHERS WHERE POSSIBLE


Bersiap sedia menghadapi banjir kilat dengan F.L.A.S.H dan panduan berguna ini untuk memastikan keselamatan anda.



Elakkan memandu melalui kawasan banjir yang melebihi ketinggian bahu jalan, atau apabila penanda jalan tidak lagi kelihatan.



Jika kawasan banjir tidak dapat dielakkan dan dianggarkan selamat untuk dilalui, pandu dengan perlahan dan berterusan. Elakkan menekan brek untuk mengekalkan kelajuan enjin yang tinggi dan stabil.




Pandu di bahagian tengah jalan kerana air banjir biasanya terkumpul di lorong tepi.

## Pemandu Kenderaan



Lalui kawasan banjir secara bergilir-gilir, satu kenderaan pada satu masa.



Selepas keluar dari kawasan banjir, tekan brek dengan perlahan untuk mengeringkannya. Uji brek sebelum meneruskan perjalanan.



Jangan menghidupkan semula kenderaan yang terhenti. Nyalakan lampu kecemasan, dapatkan bantuan dan bergerak ke kawasan yang lebih tinggi.

## Penduduk, Peniaga & Pemilik Bangunan



Sentiasa pastikan longkang dan sistem saliran air di kawasan anda diselenggara dengan baik dan tidak tersumbat.



Pastikan penghadang banjir dalam keadaan baik.




Pasang penghadang banjir apabila terdapat risiko banjir untuk melindungi harta benda anda daripada paras air yang semakin meningkat.



Pindahkan barang-barang ke tempat yang lebih tinggi.




Jangan sentuh suis atau peralatan elektrik jika tangan anda basah atau sedang berdiri dalam air.



Jika anda perlu berpindah, matikan semua suis utama dan tanggalkan peralatan elektrik.

## Pejalan kaki



Elakkan kawasan banjir dan pastikan anda berada di tempat yang lebih tinggi.



Gunakan kayu atau payung untuk memastikan kestabilan tanah dan memeriksa jika ada longkang terbuka.



Jangan berjalan melalui kawasan banjir yang melebihi paras buku lali anda.

Untuk maklumat terkini mengenai banjir, sertai PUB Flood Alerts di Telegram (@pubfloodalerts) atau muat turun aplikasi myENV.